

Bil. 23

Khamis

27 Julai 2017



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Melihat Kembali Peraturan Tidak Membenarkan
Bas Ekspres Menurunkan Penumpang
di Tempat Awam**
– *YB. Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani)* [Halaman 1]

- **Isu Berkaitan Klinik Kesihatan Bintangor**
– *YB. Tuan Wong Ling Bui (Sarikei)* [Halaman 4]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., S.P.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek, S.S.A.P., D.P.M.T. [Kemaman] – UMNO

11. Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis] – UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M., S.S.D.K., D.N.S. [Jerai] – UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] – PBRIS
15. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] – UPKO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S., P.G.B.K. [Selangau] – PRS
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar] – PBB
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya] – PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian] – SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] – UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan, P.J.N., K.M.M. – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] – UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K., P.G.D.K., S.M.W. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA

28. Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak, S.P.D.K. – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S., S.M.W. [Titiwangsa] – UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
3. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D., S.S.A.P. [Mambong] – PBB
6. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
8. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – UMNO

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya, D.G.P.N., D.M.P.N. [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan, D.S.S.A., D.S.P.N. – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N., P.J.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M., D.C.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., S.S.A.P. [Kubang Pasu] – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, D.I.M.P. – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, D.P.S.M. – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

27. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman] - PRS
29. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Nogeh anak Gumbek, D.I.M.P. [Mas Gading] – SPDP
30. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Devamany a/l S. Krishnasamy, S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., P.P.T. – *Senator*
31. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wira Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K., D.G.M.K. [Jerlun] – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
33. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato’ Sri Haji Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C., D.S.A.P. [Paya Besar] – UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] – PBB
10. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO

13. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
14. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., D.A., P.N.B.S. [Betong] – PBB
16. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] – UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO
20. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
21. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] – UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K., J.M.N. [Ranau] – UPKO
23. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah, J.S.M. [Limbang] - PBB
24. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P., S.S.A.P., S.U.N.S., S.S.N.S. [Kuala Pilah] – UMNO
27. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] – UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] – UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] – PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N., P.G.B.K. [Julau] – PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] – UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] – MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng, P.J.N. [Simpang Renggam] - GERAKAN

37. Yang Berhormat Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] – PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
41. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] – UMNO
44. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S., J.B.K. [Mukah] – PBB
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] – UMNO
46. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – UMNO
47. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
48. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman, P.J.N. [Tanjong Manis] - PBB
49. “ Dato’ Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
50. “ Dato’ Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N., D.I.M.P. [Pasir Gudang] – UMNO
51. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] – UMNO
52. “ Datuk Seri Palanivel a/l K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K., S.M.W. [Cameron Highlands] – MIC
53. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
55. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
56. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] – UMNO
57. “ Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – UMNO
58. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. “ Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. ” Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] – UMNO

61. Yang Berhormat Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S., S.P.M.P., A.N.S., J.P. [Tampin] – UMNO
62. “ Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
63. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu] – SPDP
64. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. “ Dato’ Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S., P.J.N. [Lubok Antu] – PRS
67. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. [Saratok] – SPDP
68. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
10. “ Dato’ Haji Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
11. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. “ Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal]
14. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
15. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. “ Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak]

17. Yang Berhormat Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
20. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
21. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Dr. Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz, D.I.M.P. [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]

22. Yang Berhormat Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Yang Berhormat Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli, P.J.C., J.P. [Dungun]

AHLI-AHLI (AMANAHAH)

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato’ Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

PSM

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P., S.P.M.S. [Bandar Tun Razak]
2. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh]

WARISAN

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
2. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Puan Lavinia A/P Vyveganathan

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Alzian bt. Baharudin

Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad

Nurul Atikah binti Basrudin

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed

Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

Nurul Fadhillah binti Ibharm

Hizamihatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA
Khamis, 27 Julai 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

**Melihat Kembali Peraturan Tidak Membenarkan Bas Ekspres
Menurunkan Penumpang di Tempat Awam**

2.33 ptg.

Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, yang dihormati Tuan Yang di-Pertua. Usul ini saya bacakan dedikasi terhadap satu kejadian kematian disebabkan oleh seorang hendak pergi ambil anak dia, dia meninggal dunia. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pengguna bas ekspres lazimnya terdiri dari masyarakat yang tidak berkemampuan dan pelajar-pelajar pusat pengajian tinggi.

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) mensyaratkan bas ekspres cuma boleh mengambil penumpang dari satu *point* yang dibenarkan dan menurunkan penumpang di satu *point* juga yang dibenarkan. Jika penumpang diturunkan di mana-mana tempat yang tidak ditetapkan oleh pihak berwajib, pihak SPAD akan mengambil tindakan sewajarnya.

Sebagai contoh, bas ekspres yang membawa penumpang dari Kuala Lumpur dan destinasi terakhirnya Alor Setar, tidak boleh menurunkan penumpang di R&R (Rehat & Rawat) Gurun kerana R&R Gurun tidak ditentukan sebagai satu *point* yang dibenarkan.

Lazimnya penduduk yang tinggal di bandar-bandar kecil seperti Gurun, Jeniang dan Sungai Tiang akan menggunakan bas ekspres dari Kuala Lumpur ke Alor Setar atau Kuala Lumpur Sungai Petani jika mahu pulang dari Kuala Lumpur ke kampung mereka.

Oleh kerana bas ekspres tidak turunkan penumpang di R&R Gurun, maka waris yang menjemput penumpang tidak ada pilihan. Mereka mesti ke Sungai Petani atau ke Alor Setar atau penumpang kena menyewa teksi dari Sungai Petani atau Alor Setar ke kampung mereka. Tambang bas dari Kuala Lumpur ke Sungai Petani ialah RM48 sehalu. Tambang teksi dari Sungai Petani ke Jeniang, pada waktu sebelum subuh ialah RM35 sehalu.

Pada hal jika bas ekspres menurunkan penumpang di R&R Gurun, waris boleh tunggu di situ dan semua masalah selesai tanpa mengeluarkan kos tambahan. Rakyat yang menggunakan khidmat bas ekspres terdiri dari mereka yang sebolehnya mahu berjimat cermat, apatah lagi dalam keadaan ekonomi yang amat mencengkam sekarang.

Adalah disarankan SPAD boleh melonggarkan syarat-syarat penurunan penumpang. Jika penumpang boleh diturunkan di mana-mana tempat yang ada pondok perhentian bas oleh bas berhenti-henti tidak ada sebab bas ekspres tidak boleh menggunakan pondok seperti ini untuk turunkan penumpang. Mungkin pondok itu betul-betul terletak berhadapan rumah penumpang. Akan tetapi kaedah sekarang penumpang cuma boleh turun di *point* yang ditetapkan dan penumpang terpaksa menggunakan kenderaan lain untuk pulang ke rumahnya. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

2.37 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Sungai Petani kerana menyarankan beberapa perkara yang telah menjadi keluhan penumpang dan juga berjiwa rakyat.

Untuk makluman, salah satu polisi semasa kelas lesen bas ekspres menetapkan bahawa perkhidmatan tersebut adalah untuk membawa penumpang dari terminal ke terminal yang diluluskan sahaja. Oleh yang demikian, aktiviti menurunkan penumpang selain dari di terminal adalah tidak dibenarkan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

Perkara ini diperkenalkan kerana keselamatan penumpang sebelum, semasa dan selepas perjalanan menjadi keutamaan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Tempat hentian bas perlu mempunyai ciri-ciri minimum keselamatan dan kesesuaian untuk bas ekspres berhenti terutama apabila penumpang hendak diturunkan pada waktu malam atau awal-awal pagi.

Kebanyakan hentian bas di sepanjang jalan raya atau hentian Rehat & Rawat (R&R) secara amnya tidak sesuai untuk dijadikan tempat menurunkan penumpang kerana tidak mempunyai ciri-ciri terminal yang baik, sebagai contoh, *layby* dan platform yang sesuai untuk penumpang turun dan naik dengan selamat, cahaya yang terang di kawasan hentian, laluan yang cukup lebar untuk tidak mengganggu trafik dan ciri-ciri keselamatan yang lain.

Berbanding perkhidmatan bas berhenti-henti yang kebanyakannya hanya beroperasi pada waktu siang, bas ekspres sebaliknya beroperasi sepanjang hari. Jika penumpang hendak diturunkan di hentian-hentian bas di sepanjang jalan pada waktu malam atau awal pagi, ia akan meningkatkan risiko keselamatan mereka kerana tidak semua hentian bas mempunyai pencahayaan yang terang. Selain dari itu, bas ekspres selalunya akan berhenti lebih lama berbanding bas berhenti-henti kerana pemandu bas juga perlu turun untuk membuka bahagian bagasi dan menurunkan bagasi penumpang.

Hal ini akan menyebabkan kesesakan jalan raya terutamanya di waktu puncak apabila terdapat juga bas berhenti-henti yang ingin menurunkan penumpang di hentian bas tersebut. Bukan itu sahaja, penumpang bas ekspres yang membawa bagasi selalunya akan diambil oleh ahli keluarga atau waris. Mereka yang akan menunggu di sepanjang jalan berdekatan dengan hentian bas ini akan turut mengganggu aliran lalu lintas dan pengguna jalan raya yang lain.

■1440

Suruhanjaya mengambil maklum mengenai cadangan dan rungutan penumpang-penumpang bas ekspres berhubung dengan peraturan yang tidak membenarkan bas ekspres menurunkan penumpang di tempat awam. Yang Berhormat punya cadangan itu diambil kiralah. Antara perkara yang sering dibangkitkan ialah mereka terpaksa menambah kos perbelanjaan dan masa perjalanan disebabkan bas tidak dibenarkan untuk berhenti sebelum sampai ke terminal seperti mana yang dikatakan Yang Berhormat tadi. Namun begitu, sekiranya perkara ini diluluskan, kebarangkalian untuk penumpang meminta agar tambang yang lebih murah dikenakan mungkin berlaku kerana dia tidak meliputi keseluruhan perjalanan. Untuk makluman, kadar tambang bas ekspres dikira berdasarkan jarak dari terminal ke terminal dan kadar tambang ini telah digazetkan.

Untuk makluman, dalam sesi-sesi libat urus bersama pemain industri, pengendali tidak bersetuju dengan cadangan ini kerana akan mengurangkan pendapatan mereka kerana operasi yang ditetapkan adalah berdasarkan pengiraan tambang dari terminal ke terminal. Oleh yang demikian, berkemungkinan akan terdapat pengendali yang tidak akan berminat untuk menawarkan perkhidmatan kepada penumpang yang ingin turun lebih awal daripada di terminal dan ini akan menimbulkan masalah kepada penumpang berkenaan.

Suruhanjaya meletakkan keselamatan penumpang sebagai keutamaan yang paling tinggi, melebihi keperluan mobiliti. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya ini bersedia untuk menimbangkan sebarang permohonan atau permintaan dari orang awam, penumpang ataupun pengendali bas sekiranya pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berkaitan dapat mengesahkan bahawa hentian yang dipohon itu menepati semua aspek keselamatan dan keselesaan penumpang. Saya ulangi, sekiranya PBT membenarkan maka saranan daripada Ahli Yang Berhormat dapat kita lihat semula.

Pengesahan kesesuaian ini hanya boleh diberikan oleh PBT yang berkenaan kerana mereka bertanggungjawab menyelia antara lain semua infrastruktur yang dibina di dalam kawasan PBT tersebut. Termasuklah persetujuan daripada pengendali-pengendali bas ekspres ini. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Isu Berkaitan Klinik Kesihatan Bintangor

2.43 ptg.

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Klinik Kesihatan Bintangor mengalami masalah kekurangan ambulans yang serius dan telah mempengaruhi tahap perkhidmatan Klinik Kesihatan Bintangor. Klinik Kesihatan Bintangor mungkin mengalami kekurangan kakitangan walaupun mempunyai seorang doktor pakar, enam orang doktor dan enam orang pembantu perubatan. Kerajaan perlu mengambil tindakan segera untuk meningkatkan perkhidmatan klinik terutamanya menentukan sebilangan doktor 24 jam berada di klinik untuk memberi rawatan apabila kecemasan berlaku.

Contohnya, terdapat satu kes kemalangan berlaku pada 17 Mei 2017 di Bintangor. Apabila mangsa-mangsa kemalangan menelefon ke Klinik Kesihatan Bintangor untuk mendapat bantuan, namun ambulans mengambil masa yang lama untuk sampai ke tempat kejadian, hal ini menyebabkan mangsa-mangsa kemalangan terpaksa meminta bantuan dari orang awam untuk menghantar mereka ke Klinik Kesihatan Bintangor. Masalah-masalah yang munasabah ini berlaku kerana kekurangan sumber dan kepakaran di Klinik Kesihatan Bintangor atau sikap kakitangan yang kurang bertanggungjawab. Selain itu, sikap kakitangan-kakitangan yang tidak bertanggungjawab menghantar mangsa kemalangan ke Hospital Sarikei tanpa sebarang pemeriksaan.

Pada fahaman saya, pihak klinik sepatutnya memberi rawatan asas kepada pesakit seperti memeriksa luka, menghentikan pendarahan, memberi suntikan dan ubat-ubatan dan sebagainya sebelum menghantar pesakit ke Hospital Sarikei. Lebih-lebih lagi, berapakah lama ambulans klinik perlu dihantar untuk pemeriksaan. Pada fahaman saya, Klinik Kesihatan Bintangor hanya dua buah ambulans yang disediakan manakala antara sebuah ambulans telah dalam keadaan rosak dan ditunggu untuk pemeriksaan semasa saya menulis perbincangan ini. Saya berharap kerajaan boleh mengambil tindakan segera untuk mengaturkan pemeriksaan bulanan untuk menilai tahap keselamatan dan prestasi ambulans sentiasa dalam keadaan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, klinik perlu sentiasa memainkan peranan yang penting untuk memberi rawatan kepada pesakit, jadi pihak klinik sepatutnya melantik seorang pemandu ambulans yang bertanggungjawab dan doktor yang sepenuh masa untuk meningkatkan prestasi klinik supaya pesakit menerima rawatan yang profesional. Sebagai contohnya, apabila panggilan ambulans dibuat oleh rakyat, ambulans perlu mengambil tindakan segera untuk sampai ke tempat kejadian dan doktor atau kakitangan-kakitangan kesihatan perlu memberi rawatan asas dalam masanya.

Saya amat terkejut seksyen Klinik Kesihatan Bintangor beroperasi dalam "panggilan atas pasif" (*passive on call*) manakala bukan dalam "panggilan atas aktif" (*active on call*). Mengapakah kakitangan-kakitangan perkhidmatan Klinik Kesihatan Bintangor dalam "panggilan atas pasif". Adakah kerajaan menjimatkan kos disebabkan menjimatkan kos? Disebabkan menjimatkan kos, rawatan pesakit boleh dilewatkan dan diabaikan.

Oleh itu, saya berharap kerajaan boleh mengambil tindakan segera untuk meningkatkan perkhidmatan Klinik Kesihatan Bintangor dan kecekapan kerja supaya pesakit boleh mendapat perkhidmatan dan rawatan yang efisien. Sekian, terima kasih.

2.47 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin dan berusaha serta mengambil pelbagai langkah bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan seluruh negara termasuk negeri Sarawak. Perkhidmatan yang disediakan adalah termasuk perkhidmatan pra hospital di klinik-klinik kesihatan.

Untuk makluman, Klinik Kesihatan Bintangor, Sarikei merupakan Klinik Kesihatan Jenis Empat (4). Populasi kawasan operasi klinik adalah seramai 33,600 orang dengan purata kedatangan harian pada tahun 2015 adalah seramai 266 orang dan 207 orang pada tahun 2016. Pada masa ini klinik ini mempunyai seorang Pakar Perubatan Keluarga, lima orang Pegawai Perubatan, enam orang Pembantu Pegawai Perubatan dan 26 orang jururawat. Bilangan staf sedia ada ini adalah memenuhi keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan dakwaan yang mengatakan ambulans Klinik Kesihatan Bintangor mengambil masa yang lama untuk sampai ke tempat kemalangan pada 17 Mei 2017, adalah dimaklumkan bahawa pada masa kini, Klinik Kesihatan Bintangor mempunyai dua buah ambulans bagi memenuhi perkhidmatan ambulan dan pra hospital. Walau bagaimanapun, hanya satu ambulans sahaja (telah beroperasi sejak 16 Mei 2013) dapat berfungsi dan berada dalam keadaan baik manakala sebuah lagi ambulans (yang berusia 12 tahun) adalah dalam proses untuk dilupuskan.

Ambulans Klinik Kesihatan Bintangor sentiasa diperiksa dan diselenggarakan oleh pihak konsesi syarikat ADL di bawah program Perkhidmatan sokongan klinikal mengikut keperluan. Dari Januari 2017 hingga Jun 2017, beban kerja bagi ambulans untuk panggilan kecemasan adalah sebanyak 27 kes dan kes rujuk ke hospital adalah sebanyak 158 kes.

Secara puratanya ambulans ini hanya mempunyai lima kes kecemasan sebulan untuk tempoh enam bulan dan 26 kes sebulan untuk rujukan ke hospital bagi tempoh yang sama. Sehingga kini, Klinik Kesihatan Bintangor masih mampu untuk memberikan perkhidmatan ambulans dengan beban kerja yang telah disebutkan. Untuk aduan berkaitan kelewatan respons ambulans, siasatan pihak kami mendapati tiada rekod panggilan kecemasan untuk kes kemalangan pada 17 Mei 2017 tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dakwaan mengenai sikap kakitangan-kakitangan yang tidak bertanggungjawab kerana menghantar mangsa kemalangan ke Hospital Sarikei tanpa sebarang pemeriksaan, adalah ditegaskan bahawa kementerian sentiasa memantau dan memastikan semua kakitangan klinik termasuk pegawai perubatan dan Penolong Pegawai Perubatan telah dilatih untuk memberi semua rawatan asas yang diperlukan oleh pesakit, sama ada

kes kecemasan, kemalangan ataupun bukan kecemasan. Walau bagaimanapun pihak Kementerian akur mengenai masalah sikap beberapa staf yang tidak prihatin dan tidak bertanggungjawab. Bagaimanapun bagi aduan ini, tindakan selanjutnya sukar diambil kerana tiada maklumat jelas berkaitan tarikh dan masa berlakunya kejadian tersebut. Pihak Kementerian akan mengukuhkan pemantauan dan penyeliaan bagi memastikan perkara ini tidak berlaku pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua berhubung dakwaan yang mengatakan bahawa kakitangan-kakitangan perkhidmatan Klinik Kesihatan Bintangor beroperasi dalam panggilan atas pasif (*passive on call*) pula, adalah dimaklumkan bahawa Klinik kesihatan Bintangor adalah salah satu klinik daripada 26 buah klinik yang terpilih di bawah Pusat Koordinasi Perubatan Kecemasan di Negeri Sarawak (*Medical Emergency Command Centre*) yang menyediakan perkhidmatan kecemasan ambulan secara aktif 24 jam sehari di mana seorang pemandu dan seorang Penolong Pegawai Perubatan *on call* aktif selama 24 jam.

Bagi semua klinik di bawah sistem ini, semua panggilan kecemasan selepas waktu pejabat hendaklah dihubungi dengan talian 999. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2017, jumlah kes kecemasan selepas waktu pejabat bagi Klinik Kesihatan Bintangor adalah 213 kes, secara puratanya kes kecemasan harian adalah sebanyak satu kes sehari. Bagi tempoh Januari- Disember 2016 pula, jumlah keseluruhan kes kecemasan selepas waktu pejabat adalah sebanyak 438 kes dan purata hariannya adalah sebanyak dua kes sehari.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik di semua klinik kesihatan secara amnya termasuk Klinik Kesihatan Bintangor khususnya dan sentiasa memantau kecekapan staf dalam memberikan perkhidmatan kesihatan dan rawatan yang efisien kepada pelanggan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 31 Julai 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.54 petang]